

1975

KUALA LUMPUR, 15 APRIL (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA PERKARA-PERKARA +MANAKABAT+ (SOAL NIKAH KAHWIN) DAN +MUAMALAT+ (SOAL PERNIAGAAN) DIKELUARKAN DARI SUKATAN PELAJARAN UGAMA ISLAM TINGKATAN SATU HINGGA LIMA KERANA DIFIKIRKAN MURID-MURID TERSEBUT BELUM LAYAK MEMPELAJARINYA.

KATANYA PERKARA-PERKARA TERSEBUT WALAU BAGAIMANAPUN DIMASUKKAN DALAM SUKATAN PELAJARAN UGAMA ISLAM BAGI KOLEJ ISLAM SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA YANG LAIN DAN DIPERINGKAT TINGKATAN ENAM.

MENJAWAB SENATOR HAJJAH SALMAH BIN SHEIKH HUSSEIN BELIAU BERKATA SEKIRANYA DIMASUKKAN PERKARA-PERKARA TERSEBUT DIPERINGKAT TINGKATAN LIMA KEBAWAH AKAN MEMBERATKAN MURID-MURID LAGI.

HAJJAH SALMAH KEMUDIAN MENCADANGKAN SUPAYA PERKARA MUAMALAT DIMASUKKAN SEMULA KERANA IA ADALAH SELARAS DENGAN USAHA KERAJAAN UNTUK MENGGALAKKAN BUMIPUTRA MEMASUKI LAPANGAN PERNIAGAAN.

DR. MAHATHIR MEMINTA SENATOR HAJJAH SALMAH SUPAYA MENGEMUKAKAN CADANGAN TERSEBUT KEPADA JAWATANKUASA PENASIHAT PELAJARAN UGAMA ISLAM DI KEMENTERIAN PELAJARAN.

DALAM JAWAPAN BERTULIS KEPADA SENATOR HAJJAH TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, DR. MAHATHIR BERKATA ADA SERAMAI 73,622 ORANG GURU DI SEMENANJUNG MALAYSIA, 30,832 DARIPADANYA ADALAH GURU PEREMPUAN. GURU BESAR PULA ADALAH SERAMAI 5,023 ORANG, 330 DARIPADANYA PEREMPUAN.